

08 FEB 2003

DR MAHATHIR LAWAT PENGKALAN KAPAL PESIAR DI KUALA KEDAH

KUALA KEDAH, 8 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Pengkalan Marina Kuala Kedah di sini untuk meninjau kemajuan pembangunannya.

Beliau diberi taklimat oleh Pengurus Operasi BF Infra Sdn Bhd, Ahmad Kamal Yaacob mengenai kemajuan projek yang bernilai RM26 juta itu.

BF Infra merupakan syarikat di bawah kumpulan Business Focus yang membangunkan projek berkenaan.

Dr Mahathir turut menaiki bot bagi meninjau projek berkenaan dari laut.

Ahmad Kamal kemudiannya memberitahu pemberita bahawa 65 peratus daripada projek itu yang mula dilaksanakan pada Jun tahun lepas telah siap dan ia dijangka siap sepenuhnya April nanti.

Projek itu yang terletak di kawasan seluas 16 hektar berhampiran Terminal Feri Kuala Kedah akan mempunyai sebuah rumah kelab dan kawasan yang boleh menampung 44 buah bot berukuran 30 meter dan kapal layar.

Ditanya mengenai reaksi Perdana Menteri mengenai kemajuan projek itu, Ahmad Kamal berkata Dr Mahathir merasa gembira dan berharap kemudahannya boleh menampung kapal layar yang lebih besar yang berukuran melebihi 30 meter panjang.

-- BERNAMA

JM HM